ISLĀMIYYĀT 18 & 19 (1998) 47 – 57

Penerimaan Hadis Mutawātir dan Āḥād Sebagai Nas Hukum

ARIFFIN OMAR

ABSTRAK

Pembahagian hadis dilihat dari sudut bilangan perawi sesebuah hadis dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang besar iaitu mutawātir *dan* āḥād. *Hadis* mutawātir *terbahagi kepada* mutawātir lafẓi *dan* mutawatir maᶜnawī. *Kedua-dua bahagian ini menjadi nas hukum dalam bidang akidah dan syariah, manakala hadis* āḥād *pula terbahagi kepada tiga bahagian iaitu* masyhūr, ᶜazīz *dan* gharīb. *Setiap bahagian* āḥād *ini ada yang* ṣaḥīḥ, ḥasan *dan* ḍaᶜīf. *Hadis* āḥād *yang* ṣaḥīḥ *dan* ḥasan *adalah menjadi nas hukum dalam bidang syariah, sementara yang* ḍaᶜīf *adalah sebaliknya.*

ABSTRACT

The classification of the hadis are classified principally on the basis of the number of transmitters. Thereby, the hadis can be divided into two divisions, i.e. mutawātir *(widely transmitted of hadis) and* āḥād *(solitary hadis). The* mutawātir *hadis can be able to be divided into* mutawātir lafẓi *(verbal* mutawātir*) and* mutawātir maᶜnawī *(conceptual* mutawātir*). These both divisions become the binding ordinance of legal decision in the fields of* ᶜaqīdah *(the basis of faith) and* sharīᶜah *(the Islamic law). Further, the* āḥād *hadis is divided into three, i.e.* mashhūr *(well-known hadis),* ᶜazīz *(venerable hadis), and* gharīb *(strange hadis). Each division of* āḥād *existing* ṣaḥīḥ *(authentic/ sound hadis),* ḥasan *(fair hadis), and* ḍaᶜīf *(weak hadis). The* āḥād *hadis which is* ṣaḥīḥ *and* ḥasan *can be the binding ordinance of legal decision in the field of* sharīᶜah, *but if it the* ḍaᶜīf, *it cannot be.*

PENDAHULUAN

Pada permulaan Islam, para sahabat menerima hadis secara terus-menerus daripada Rasulullah s.a.w. Seterusnya para *tābiᶜīn* menerima hadis daripada para sahabat, sementara para *atbāᶜ tābiᶜīn* menerima daripada para tābiᶜīn dan begitulah seterusnya. Pada zaman para sahabat r.a. mereka menerima pelajaran daripada Rasulullah s.a.w. Mereka disifatkan sebagai orang yang adil, oleh itu periwayatan yang berlaku di kalangan mereka tidak menimbulkan sebarang masalah.

Para tābiᶜīn, atbāᶜ tābiᶜīn dan seterusnya mempunyai berbagai-bagai masalah berhubung dengan periwayatan hadis. Pada zaman ini, bilangan umat Islam sudah begitu ramai, mereka mempunyai pelbagai gelagat kerana pada masa ini ramai orang *ᶜajam* yang menganut agama Islam. Oleh itu, periwayatan hadis telah tersebar luas. Kebenaran periwayatan daripada seseorang mula diragui, hal seperti ini perlu diselesaikan. Antara cara untuk menyelesaikannya ialah dengan melihat bilangan perawi bagi satu-satu hadis, bagi memastikan sesebuah hadis itu *ṣaḥīḥ* atau sebaliknya. Oleh itu, Jumhūr ulama telah membahagikan hadis berdasarkan bilangan perawi kepada dua bahagian iaitu hadis *mutawātir* dan *āḥād*.

HADIS MUTAWĀTIR

Hadis mutawātir ialah hadis yang diriwayatkan pada setiap peringkat – sejak peringkat sahabat – oleh kumpulan perawi yang ramai, pada adatnya mustahil mereka bersepakat berdusta, disebabkan ramainya bilangan perawi serta masing-masing tinggal di tempat yang berjauhan, lagipun perkara yang diriwayatkan itu dapat dilihat dan didengar oleh umum (ᶜAli 1976:50).

Bagi mempastikan satu-satu hadis itu mutawātir, hendaklah ia memenuhi syarat-syarat yang telah digariskan oleh para ulama iaitu:

1. Perawi-perawi itu hendaklah meriwayatkan sesuatu hadis dengan pengetahuan yang yakin dan bukan secara ẓan. Contohnya penduduk Baghdad menceritakan kepada kita tentang seseorang yang mereka sangka sebagai Muhammad. Riwayat seperti itu tidak mendatangkan ilmu yang yakin kepada kita bahawa orang itu adalah benar-benar Muhammad kerana mengikut kebiasaan, sesuatu yang datang secara ẓan sudah pasti ia juga telah diterima secara ẓan (al-Ghazāli 1322H, 1:134).

2. Perkara-perkara yang diriwayatkan oleh perawi terdiri daripada perkara-perkara *ḍarūrī* (biasa yang tidak memerlukan pemikiran yang mendalam) yang berasaskan kepada *mahsūs* (yang dilihat, didengar dan disaksi). Umpamanya penduduk Baghdad menceritakan kepada kita bahawa alam ini baharu dan para nabi Allah adalah orang yang benar. Perkara seperti ini tidak mendatangkan ilmu ḍarūrī kepada kita kerana ia berasaskan ilmu naẓarī (akal fikiran) (al-Ghazālī 1322H, 1:134).

3. Bilangan perawi hendaklah sempurna, iaitu bilangan yang boleh mendatangkan ilmu ḍarūrī dengan maksud tidak mungkin mereka bersepakat untuk berdusta kerana masing-masing tinggal di tempat yang berjauhan di antara satu sama lain (al-Ghazālī 1322H, 1:134). *Al-Astakhrī* berpendapat bahawa sekurang-kurang bilangan perawi bagi hadis mutawātir ialah sepuluh orang (al-Suyūṭī 1966, 2:177).

4. Sifat-sifat dan bilangan perawi hendaklah sejajar sejak zaman para sahabat, al-tābiᶜīn dan atbāᶜ al-tābiᶜīn. Sekiranya ada mana-mana generasi

perawi yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut di atas, riwayatnya tidak mendatangkan keyakinan kerana generasi perawi dikira berasingan antara satu generasi dengan generasi yang lain. Oleh itu, setiap generasi perawi berkenaan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan (al-Ghazālī 1322, 1:134).

PEMBAHAGIAN HADIS MUTAWĀTIR

Menurut kajian yang dibuat oleh para ulama berhubung dengan hadis mutawātir ini, ia dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu *mutawātir lafẓī* dan *mutawātir maᶜnawī*:

1. *Mutawātir lafẓī*, iaitu hadis mutawātir yang diriwayatkan oleh para perawi pada setiap *ṭabaqāt* (peringkat) dengan lafaz yang sama. Contohnya hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

> Sesiapa yang sengaja membuat dusta ke atasku maka hendaklah ia mengambil tempatnya di dalam neraka (Ibn Mājah, t.t, al-Muqaddimaṯ bāb al-taghlīẓ fī taᶜammud al-kazib ᶜalā Rasulullah s.a.w.)

Hadis tersebut telah diriwayatkan oleh sebilangan besar daripada kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w. Mereka masing-masing meriwayatkannya dengan lafaz yang sama seperti yang tersebut di atas (Muhammad Adīb t.t., 88).

al-Bazzār (292H) telah menyatakan di dalam musnadnya bahawa hadis tersebut telah diriwayatkan oleh empat puluh orang sahabat. Abu Bakr al-Sayrafi di dalam kitabnya, *Sharḥ Risālah Imām al-Shāfiᶜī* menyatakan bahawa hadis tersebut diriwayatkan oleh lebih daripada enam puluh orang sahabat. Ibn Mundah menyebut bahawa perawi-perawi bagi hadis tersebut telah mencapai angka lapan puluh tujuh orang. Imām al-Nawawī pula menyatakan bahawa sebahagian para *ḥuffāẓ* meriwayatkan bahawa hadis tersebut telah diriwayatkan daripada enam puluh orang sahabat termasuk sepuluh orang yang di*tabsyir*kan dengan syurga. Para ḥuffāẓ berkenaan berpendapat tidak ada hadis lain selain hadis ini yang diriwayatkan oleh sepuluh orang sahabat yang ditabsyirkan dengan syurga dan diriwayatkan oleh bilangan yang mencapai kepada enam puluh orang sahabat (al-Syaḥrazwarī 1972, 242-243).

Sebahagian ulama berpendapat, hadis tersebut diriwayatkan oleh lebih daripada seratus orang sahabat. Pendapat yang lain pula menyatakan bahawa hadis tersebut diriwayatkan oleh dua ratus orang sahabat, kemudian bilangan perawinya kian bertambah dari semasa ke semasa dan hadis tersebut juga telah dikeluarkan oleh al-Bukhāri dan Muslim daripada ᶜAli, al-Zubīr, Anas, Abū Hurayrah dan lain-lain. (Muhammad Adīb t.t., 89)

Sebahagian daripada contoh hadis mutawātir lafẓī ialah hadis-hadis:

"المسح علي الخفين"

(Muslim, t.t., *kitab al-Taharat* bāb al-mash ᶜAla al-khuffayn) Menurut al-Suyūṭi perawi-perawi bagi hadis tersebut ialah sebanyak tujuh puluh orang sahabat (al-Suyūṭi 1966, 2:179).

"رفع اليدين في الصلاة"

(al-Dārimī, t.t., *kitāb al-Ṣalāh*, bāb rafᶜ al-yadayn ᶜind iftitāh al-Ṣalāh) diriwayatkan oleh lima puluh orang sahabat.

"نضر الله امراء سمع مقالتي"

(Ibn Mājah, t.t., *al-Muqaddimah*, bāb man ballagha ᶜilman) diriwayatkan oleh tiga puluh orang sahabat.

"أنزل القرأن على سبعة أحرف"

(Ahmad, t.t., 2:332) diriwayatkan oleh dua puluh tujuh orang sahabat.

"من بنى مسجدا لله تعالى بنى الله بيتا فى الجنة"

(Muslim, t.t., *kitāb al-Masājid wa mawādiᶜ al-ṣalāt*, bāb faḍl binā al-masjid wa al-hath ᶜalaiha) diriwayatkan oleh dua puluh orang sahabat.

"كل مسكر حرام"

(Muslim, t.t., *kitāb al-Asyribah*, bāb bayān anna kul muskir khamr wa anna kul khamr harām), juga diriwayatkan oleh dua puluh orang sahabat (al-Suyūṭi 1966, 2:179-180).

2. *Mutawātir maᶜnawī*, iaitu hadis yang diriwayatkan dengan lafaz yang berlainan oleh sekumpulan perawi yang mustahil mereka bersepakat untuk berdusta. Riwayat-riwayat tersebut keseluruhannya mengandungi makna yang sama tetapi mempunyai lafaz yang berlainan (Muhammad Adīb, t.t.,:90). Contohnya, hadis:

"رفع اليدين عند الدعاء"

(Muslim, t.t., *kitāb al-Īmān*, bab doa al-Nabi s.a.w. li ummatihi wa bukāihi ᶜalaihim).

Hadis di atas diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. melalui beberapa *turuq* (saluran) sehingga sampai kepada seratus hadis dengan lafaznya yang berlainan dan setiap satu daripadanya diriwayatkan di dalam masalah yang berlainan,

tetapi keseluruhan riwayat tersebut bersepakat dari segi makna *kulli* (keseluruhan) iaitu:
"رفع اليدين عند الدعاء" (mengangkat kedua-dua tangan ketika berdoa), hadis tersebut dan hadis-hadis yang sama dengannya dikira mutawātir secara majmuk (kumpulan) (al-Suyūṭī 1966, 2:180).

Apabila perkataan mutawātir disebut kepada mana-mana hadis tanpa disambungkan dengan perkataan *lafẓī* atau *maᶜnawī* dengan sendirinya perkataan mutawātir itu dimaksudkan dengan mutawātir lafẓī (Muhammad Adīb t.t.,:90).

Sebahagian ulama mengkategorikan *mutawātir ᶜamalī* ke dalam kategori mutawātir maᶜnawī. Mutawātir ᶜamalī ialah perkara-perkara agama yang dapat diketahui secara biasa dan senang serta ia telah menjadi mutawātir di kalangan umat Islam bahawa Nabi s.a.w. telah melakukan perkara-perkara seperti itu, seperti waktu-waktu ṣalāṯ, kadar pemberian bagi zakat harta, cara melakukan ṣalāṯ jenazah, ṣalāṯ bagi kedua-dua hari raya dan sebagainya (Muhammad Adīb t.t.:91).

KEWUJUDAN HADIS MUTAWĀTIR

Sebaiknya dinyatakan di sini bahawa hadis mutawātir ini banyak terdapat pada *sunnaṯ ᶜamaliaṯ* (sunnat yang berbentuk amalan) yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. seperti sunnah yang menyatakan cara berwuduk, cara ṣolāṯ, cara berpuasa, cara menunaikan ibadat haji dan cara bermuᶜāmalat dengan orang ramai. Perbuatan seperti yang tersebut diriwayatkan oleh kumpulan perawi yang tidak mungkin mereka itu telah bersepakat untuk berdusta. Hal yang demikian disebabkan perbuatan seperti itu dapat disaksikan dan dilihat oleh bilangan yang ramai daripada kalangan sahabat yang bersikap sebagai pelajar yang sedang mempelajari cara-cara beribadat dan lain-lain amalan daripada Nabi s.a.w. yang menjadi teladan dan ikutan kepada mereka. Sementara *sunnaṯ qauliyaṯ* (sunnāṯ yang berbentuk ucapan) pula sebahagian ulama menyatakan bahawa ia mempunyai bilangan yang sedikit yang meningkat kepada taraf mutawātir kalau dibanding dengan bilangan sunnāṯ yang begitu banyak (ᶜAli 1976:50).

Ibn al-Ṣalāh telah menyatakan bahawa sunnāṯ mutawātir ini amat sedikit. Ibn Hajar al-Asqalānī pula berpendapat bahawa sunnāṯ mutawātir adalah banyak. Oleh itu, beliau tidak bersetuju dengan kenyataan Ibn al-Ṣalāh. Bahkan beliau menganggap kenyataan Ibn al-Ṣalāh itu adalah hasil daripada kurang pembacaan dan penelitian ke atas *turuq* (saluran) hadis dan sifat-sifat perawi yang menunjukkan bahawa mereka jauh sekali daripada bersepakat untuk berdusta (al-Suyūṭī 1966, 2:178-179).

Sebahagian ulama telah menyusun risalah-risalah yang memuatkan hadis-hadis mutawātir ini. Antaranya ialah

1. الأزهار المتناثرة فى الأخبار المتواترة. oleh al-Suyūṭī.
2. اللالئ المتناثرة فى الاحاديث المتواترة. oleh Muhammad bin Ṭālūn.
3. لقط اللالئ فى الاحاديث المتواترة. oleh al-Zubaydī.
4. نظم المتناثر من الحديث المتواتر. oleh Muhammad bin Jaᶜfar al-Kattānī.
5. الحرز المكنون عن لفظ المعصوم المأمون. oleh Siddīq Hasan al-Qanwajī.
6. الاحاديث المتواترة. oleh al-Sayyid Muhammad bin Naṣīb yang terkenal dengan gelaran Ibn Hamzaṯ.
7. اتحاف ذوى الفضائل المشتهرة بما وقع من الزيادة فى نظم المتناثرة على الازهار المتناثرة oleh ᶜAbd al-ᶜAzīz bin Muhammad bin al-Ṣiddīq al-Ghamarī (al-Sabbāgh 1976:199-201).

HADIS MUTAWĀTIR SEBAGAI NAS HUKUM

Para ulama telah menetapkan bahawa hadis mutawātir mengandungi maklumat yang yakin yang tidak harus dianggap sebagai dusta. Sesiapa sahaja yang mengingkarinya menjadi kufur, kerana ia sabit daripada Rasulullah s.a.w. secara *qaṭᶜī*. Oleh itu, sesiapa yang mengingkarinya adalah dianggap sebagai orang yang mendustai Rasulullah s.a.w (al-Ghazali 1322H:1/140).

Kebenaran hadis mutawātir adalah secara *ḍarūrī* tidak perlu difikir dan dibahaskan lagi, seperti kita mengetahui kebenaran wujudnya ᶜUmar al-Khattab dan ᶜAlī bin Abī Ṭālib pada permulaan Islam dahulu. Begitu juga kita mengetahui kebenaran wujudnya Damshik yang kesemuanya itu tidak berhajat lagi kepada sebarang perbincangan dan perbahasan (Muhammad Adīb, t.t.,:88).

HADIS ĀḤĀD

Hadis *āḥād* ialah hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi yang bilangan mereka tidak sampai ke peringkat mutawātir, baik di peringkat para sahabat mahupun di peringkat para tābiᶜīn dan jika bilangan perawinya meningkat pada zaman-zaman kebelakangan, peningkatan itu tidak boleh diambil kira (ᶜAli 1976:51).

BAHAGIAN HADIS ĀḤĀD

Para ulama telah membahagikan hadis āḥād kepada tiga bahagian iaitu:

1 Hadis *mashhūr* ialah hadis yang diriwayatkan oleh lebih daripada dua perawi, yang diambil daripada lebih daripada dua perawi, tetapi tidak sampai ke peringkat mutawātir dan begitulah seterusnya sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. (Badrān 1983:51).

2 Hadis *ᶜazīz* ialah hadis yang diriwayatkan oleh dua perawi yang diambil daripada dua perawi dalam setiap *tabaqāt* (al-Samāhī 1970:27-28).

3 Hadis *gharīb* ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi pada satu *tabaqāt* atau pada beberapa *tabaqāt* perawi (al-Samāhī 1970:28).

HADIS ĀḤĀD SEBAGAI NAS HUKUM

Dalil-dalil yang menunjukkan kewajipan beramal dengan kandungan hadis-hadis āḥād boleh dilihat daripada tiga sumber, iaitu:

1. al-Qurān al-Karīm.

   a. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dan tidaklah (betul dan elok) orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang) oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja daripada tiap-tiap puak di antara mereka supaya orang (yang tinggal) itu mempelajari dengan mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka (yang keluar berjuang) apabila orang itu kembali kepada mereka, mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (daripada melakukan larangan Allah) (at-Taubah, 122)

Ayat tersebut menunjukkan sah mengambil ilmu daripada *ṭāifah* iaitu seorang atau dua orang. *Ṭaifah* adalah sebahagian daripada *firqah* iaitu bilangan tiga orang ke atas (ᶜAli 1976:52).

   b. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Hai orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa sesuatu berita, maka periksalah dengan teliti. (Al-Hujuraat 49:6)

Ayat di atas mengarahkan supaya membuat penelitian ke atas berita yang disampaikan oleh orang fasik. Oleh itu ia memberi kefahaman kepada kita bahawa berita yang datang daripada seorang yang adil dapat diterima tanpa perlu membuat apa-apa penelitian ke atasnya (al-Khadurī Bik 1969:122-123).

2. al-Hadith al-Syarīf.

a. Diriwayatkan daripada ᶜAbdul Rahman bin ᶜAbdullah daripada bapanya bahawa Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

Allah memberi rahmat kepada seseorang yang mendengar hadis daripada kami kemudian ia menyampaikannya (kepada orang lain pula) kerana selalunya orang yang menyampai adalah lebih hafaz daripada orang yang mendengar.

b. Diriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. menerima kenyataan Salman berhubung dengan sedekah dan hadiah semasa beliau datang mengadap Rasulullah s.a.w. dengan membawa makanan, seperti yang telah diceritakan oleh Salman dengan katanya yang bermaksud:

Aku datang mengadap Nabi s.a.w. dengan membawa makanan, pada masa itu aku masih seorang hamba sahaya, lalu aku berkata kepadanya ini adalah sedekah, maka baginda menyuruh para sahabatnya makan lalu mereka makan, tetapi baginda sendiri tidak memakannya. Kemudian aku datang kepadanya dengan membawa makanan yang lain lalu aku berkata: Ini adalah hadiah yang aku hadiahkan kepada engkau sebagai penghormatan, kerana aku melihat engkau tidak memakan sedekah (tidak mengambil makanan yang disedekahkan), lalu baginda menyuruh para sahabatnya makan, lalu mereka makan dan baginda juga makan bersama-sama mereka. (Ahmad, t.t. 5: 439)

c. Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. menerima penyaksian daripada seorang Arab Badwi tentang kelihatan anak bulan Ramadan, tanpa meminta daripada Arab Badwi berkenaan supaya mengemukakan seorang lagi yang juga ada melihat anak bulan berkenaan, bahkan Rasulullah s.a.w. memadai dengan mengemukakan soalan dengan sabdanya yang bermaksud:

Apakah engkau menyaksi bahawasanya tiada tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad pesuruh Allah? Arab Badwi menjawab: Ya. Rasulullah s.a.w. bersabda : Bangunlah wahai Bilal dan hendaklah kamu menyeru orang ramai supaya mereka mula berpuasa esok. (Ibn Mājah, t.t., *kitāb al-Ṣiyām*, bāb mā jāa fī al-Syahādah ᶜalā Ru'yat al-Hilāl)

Hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. mengizin meriwayatkan hadis daripadanya walaupun oleh seorang sahaja, begitu juga baginda menerima periwayatan dan juga penyaksian yang dibuat oleh seorang sahaja.

3. Ijmak Ulama.

a. Diriwayatkan bahawa para sahabat Rasulullah s.a.w beramal dengan hadis āḥād dalam banyak peristiwa yang bilangannya sampai kepada had *tawātur maᶜnawī* walaupun bagi setiap satu peristiwa itu diriwayatkan secara āḥād (al-Ghazālī 1322H, 1:148). Sebagai contoh diriwayatkan bahawa ᶜUmar r.a. berkata yang bermaksud:

Adalah aku dan seorang jiran daripada kaum Anṣār yang tinggal bersama dengan Bani Umayyah bin Zaid yang berada di kawasan tinggi di Madinah. Kami turun kepada

Rasulullah s.a.w. secara bergilir-gilir, iaitu satu hari dia turun dan satu hari aku turun, maka apabila aku turun aku datang kepadanya (jiran) dengan membawa khabar berita untuk hari itu, sama ada wahyu dan sebagainya dan apabila dia turun maka ia akan lakukan seperti itu juga... (Ibn Hajar, 1959, *kitāb al-ᶜilm*, bāb al-Tanāwud fī al-ᶜilm).

b. Diriwayatkan bahawa ᶜAbdullah bin ᶜUmar mendengar daripada Saᶜd bin Abī Waqas bahawa Rasulullah s.a.w. menyapu ke atas kedua-dua khufnya. Lalu ᶜAbdullah bertanya kepada bapanya (ᶜUmar) berhubung dengan perkara tersebut, lalu ᶜUmar menjawab dengan katanya yang bermaksud:

Ya! Apabila Sa'd menceritakan kepadamu sesuatu daripada Nabi s.a.w. maka jangan lagi engkau bertanya perkara itu kepada orang lain. (Ibn Hajar, 1959, *kitāb al-Wuḍū'*, bāb al-Mash ᶜala al-khufayn)

c. Diriwayatkan daripada Saᶜīd bin al-Musayyab bahawasanya ᶜUmar r.a. berkata yang bermaksud:

Pembayaran diyah adalah wajib ke atas ᶜāqilah (waris sebelah bapa) dan isteri tidak dapat mempusakai sesuatu apa pun daripada diyah suamiya. Sehingga diceritakan kepadanya oleh al-Ḍaḥḥāk bin Sufyān al-Kilābī bahawa Rasulullah s.a.w. telah menulis surat kepadanya dengan kata-kata: Hendaklah engkau memberi pusaka yang diambil daripada diyah Ashyam al-Dubbāi kepada isterinya. (al-Tirmidhī, t.t.,: *kitāb al-Diyāt*, bāb mā Jāa fī al-Mar'ah hal tarith min diyah zaujiha)

Keterangan yang dinyatakan jelas menunjukkan para sahabat secara sepakat menerima hadis-hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja.

PANDANGAN ULAMA TERHADAP HADIS ĀḤĀD SEBAGAI SUMBER HUKUM

Terdapat para ulama berselisih pendapat dalam menerima hadis āḥād sebagai sumber hukum berdasar kepada beberapa pendapat antaranya:

1. Pendapat golongan Khawārij dan Muktazilah. Mereka tidak menerima hadis āḥād sebagai sumber hukum. Pendapat ini berasaskan hadis āḥād boleh diandaikan mengandungi kesalahan, kesangsian dan pendustaan. Oleh itu, ia tidak mendatangkan ilmu yang yakin, dan tidak wajib beramal dengan hukum yang dibawa oleh hadis āḥād ini, kerana setiap amalan pasti berdasarkan kepada ilmu yang *qaṭᶜī*. Seperti firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. (al-Isra', 36)

Oleh itu hadis āḥād tidak boleh dijadikan nas hukum bagi mensabitkan perkara akidah dan juga bagi mewajibkan satu-satu amalan (ᶜAli 1976:51-52).

2. Pendapat Abū Sulaymān, al-Huṣayn bin ᶜAlī al-Karābisī, al-Hārith bin Asad, al-Muhāsibī. Mereka ini menerima hadis āḥād yang diriwayatkan oleh perawi yang adil yang diambil daripada perawi yang adil juga dan begitulah seterusnya sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w. Hadis āḥād seperti ini boleh mendatangkan ilmu yang yakin serta wajib beramal dengannya. Pendapat ini disokong oleh Ibn Ḥazm dan satu riwayat daripada Malik bin Anas (ᶜAli t.t.:107).

3. Pendapat al-Ḥanafiyah, al-Shāfiᶜyyah, Jumhur al-Mālikiyah dan al-Ḥanābilah. Mereka menerima hadis āḥād sebagai sumber hukum. Oleh yang demikian, wajib beramal dengan hukum-hakam yang terkandung dalam hadis āḥād walaupun ia hanya *ẓannī*, kerana berasaskan tidak semestinya beramal dengan ilmu yang yakin sahaja, malah *ẓan* yang *rajih* sudah mencukupi bagi perkara-perkara yang berhubung dengan amalan dan tidak pada perkara-perkara yang berhubung dengan akidah (ᶜAli 1976:57).

KESIMPULAN

Para ulama secara ijmaᶜ menegaskan bahawa wajib beramal dengan hadis mutawātir dalam kedua-dua bidang akidah dan syariah, apabila hadis-hadis mutawātir berkenaan mencukupi syarat-syarat yang diperlukan. Sementara hadis āḥād pula, para ulama berselisih pendapat sama ada ia wajib diamalkan atau sebaliknya. Namun demikian Jumhur ulama berpendapat ia wajib diamalkan dalam bidang syariah tidak dalam bidang akidah.

RUJUKAN

Ahmad bin Hanbal. t.t. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Misr, al-Maktab al-Islamī.

ᶜAlī Hasab Allah. 1976. *Usul al-Tasyrīᶜ al-Islāmī*. Misr, Dar al-Maᶜārif.

Al-Darīmī, Muhammad bin Abdullah. t.t. *Sunan al-Dārīmī*. Ihyā' al-Sunnaṯ al-Nabawiyyaṯ.

Al-Ghazālī, Muhammad bin Muhammad. 1322H. *al-Mustaṣfa min ᶜilm al-Usūl*. Misr, Būlāq, al-Matbaᶜaṯ al-Amīriyyaṯ.

Ibn Hajar, Ahmad bin ᶜAli al-ᶜAsqalānī. 1959. *Fath al-Bārī Bi Syarh al-Bukhārī*. Misr, al-Bābī al-Halabī.

Ibn Hazm, ᶜAli bin Hazm al-Andalūsī. t.t. *al-Ihkām fī usūl al-Ahkām*. Misr, Matbaᶜaṯ al-Imam.

Al-Khaḏurī Bik, Muhammad. 1969. *Usūl al-Fiqh*. Dar al-Ittihād al-ᶜArabī li al-Ṭibāᶜaṯ.

Muhammad Adīb Ṣālih. t.t. *Lamahāt Fī Usūl al-Hadith Wa al-Balaghaṯ al-Nabawiyyaṯ*. Misr, al-Maktab al-Islamī Li al-Tibāᶜah Wa al-Nasyr.

Muslim bin al-Hajjaj. t.t. *Ṣahih Muslim*. Beirut, Dār Ihyā' al-Turāth al-ᶜArabī.

Al-Qazwinī, Muhammad bin Yazīd. t.t. *Sunan Ibn Mājaṯ*. Misr, ᶜIsā al-Bābī al-Halabī.

Al-Sabbāgh, Muhammad bin Lutfi. 1976. *al-Hadith al-Nabawī Muṣtalāhuhu, Balāghatuhu, Kutubuhu*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

Al-Samāhī, Muhammad Muhammad. 1970. *Ghaith al-Mustaghīth Fī ᶜIlm Muṣtalah al-Hadith*. Misr, Dar al-ᶜAhd al-Jadid Li al-Tibāᶜah.

Al-Syahrazwarī, ᶜUthman bin ᶜAbdul Rahman. 1972. *ᶜUlūm al-Hadith*. al-Madīnaṯ al-Munawwaraṯ, al-Maktabaṯ al-ᶜIlmiaṯ.

Al-Suyūṭī, ᶜAbdul Rahman Bin Abu Bakr. 1966. *Tadrīb al-Rāwi Fī Syarh Taqrīb al-Nawawī*. Misr Dār al-Kutub al-Hadīthaṯ.

Al-Tirmidhī, Muhammad bin ᶜIsā bin Sūrat. t.t. *Sunan al-Tirmidhī*. Misr, al-Bābī al-Halabī.

Al-Zahabī, Muhammad. *Kitāb Tazkiraṯ al-Huffāẓ* t.t. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-ᶜArabī.

Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan